

Citrawarna Keluarga Malaysia 2022:

Penyatuan Masyarakat Melalui Budaya

Program Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama kerajaan Negeri Sarawak telah diadakan pada 24-27 Februari 2022 di Dataran Waterfront, Kuching, Sarawak. Objektif utama program ini adalah untuk mempromosikan kepada masyarakat di dalam dan luar negara tentang kepelbagaian seni budaya, adat resam, kraf tempatan serta keunikan makanan warisan dan permainan tradisional masyarakat Malaysia.

Pelbagai pengisian program menarik telah disediakan untuk para pengunjung seperti Festival Gendang Sarawak, Bazaar Kraf Sarawak, Peragaan Busana Kraf Tekstil Malaysia, Konsert Sape, Perarakan Perauk (Perahu) Tambang Berhias, Pameran Gastronomi Sarawak serta majlis ilmu iaitu kolokium bertemakan Bicara Komuniti Sarawak. Majlis Perasmian iaitu Malam Gala Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 telah diadakan secara gilang-gemilang pada 26 Februari 2022 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Turut hadir menyerikan majlis adalah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud dan isteri, Menteri MOTAC, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Jabatan Warisan Negara (JWN) sebagai salah satu agensi di bawah MOTAC turut terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program ini. JWN diberikan tanggungjawab mengetuai Jawatankuasa Jamuan dan Kebersihan bersama Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Selain itu, JWN turut terlibat mengadakan pameran interaktif permainan tradisional sepanjang program ini bersama-sama 14 agensi di bawah MOTAC.

Selama 4 hari berlangsung, program ini mendapat sambutan baik daripada masyarakat setempat. Pendedahan kepada pelbagai aspek budaya masyarakat Malaysia dalam satu program sebegini mampu memberikan impak serta pengetahuan kepada orang awam terutamanya generasi muda dalam usaha melestarikan warisan kita.



Petugas JWN sedang membuat agihan makanan petugas-petugas program.



YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC mencuba sendiri permainan congkak ketika membuat lawatan ke khemah pameran JWN.